

SOALAN NO.: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 22 OKT 2015

SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan

- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk menaikkan harga komoditi getah yang rendah masa kini; dan
- (b) harga getah sepatutnya naik disebabkan penurunan nilai matawang tetapi ia tidak berlaku begitu, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi lain yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa, bergantung kepada penawaran dan permintaan dan pertumbuhan ekonomi global. Sejak suku tahun ketiga 2014, harga getah telah mengalami tren penurunan yang disumbangkan oleh antara lain, pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimpor utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Selain itu, pertumbuhan keluaran getah di kalangan negara-negara baru seperti Vietnam, Cambodia dan Cote D'Ivoire juga telah menyumbangkan kepada stok berlebihan dalam pasaran antarabangsa.

Di samping faktor penawaran dan permintaan, harga getah juga sensitif kepada sentimen pasaran yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dan sosio-politik dunia, pertukaran mata wang dan spekulasi pasaran hadapan getah.

Malaysia kini merupakan negara keenam pengeluar getah asli yang menawarkan 5.5% daripada jumlah penawaran getah asli di pasaran dunia. Oleh itu, Malaysia tidak boleh bertindak secara bersendirian untuk menstabil, memperkuuh atau menaikkan harga getah asli di peringkat antarabangsa.

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan negara-negara lain di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) dan *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) bagi manfaat pekebun kecil dan industri getah secara keseluruhannya. Di bawah kerangka ITRC, ketiga-tiga negara telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah berikut sebagai usaha untuk memulihkan harga:

- i. Meningkatkan pada kadar 10% setiap tahun penggunaan getah asli dalam negara;
- ii. Bertukar-tukar maklumat hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru getah; dan
- iii. Berdialog dengan Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) untuk bekerjasama dengan negara-negara ITRC bagi memperkuatkan harga getah. Ini adalah memandangkan negara-negara ITRC dan CLMV menghasilkan 77.7% pengeluaran getah asli dunia. Vietnam baru-baru ini telah menyatakan persetujuan untuk menyertai ITRC. Penyertaan Vietnam akan mengukuhkan lagi kerjasama ini di samping membantu meningkatkan syer global pengeluaran negara-negara anggota ITRC dari 67% kepada 75% memandangkan Vietnam kini merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar dunia.

Selain daripada itu, ANRPC yang keahliannya terdiri daripada 11 negara dengan 92% dari pengeluaran getah dunia telah mengadakan Mesyuarat peringkat Menteri di Kuala Lumpur pada 8 Mei 2015. Mesyuarat ini turut membincangkan usaha-usaha untuk menangani kejatuhan harga getah asli dan memastikan kestabilan harga melalui kaedah mengimbangi penawaran dan permintaan getah asli dunia dalam jangka panjang. Mesyuarat tersebut telah memberi keyakinan kepada pasaran dan harga getah mulai meningkat kebelakangan ini.

Adalah diharapkan langkah-langkah yang diambil di peringkat ITRC dan ANRPC ini dapat menyokong peningkatan harga seterusnya membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah.

Tuan Yang Di-Pertua,

(b) Isu kaitan penurunan harga getah dengan penurunan nilai matawang pula perlu dilihat dalam konteks penurunan permintaan getah asli dengan banyak, terutamanya daripada negara pengguna getah utama iaitu, China dan Jepun. Selain itu, peningkatan pengeluaran getah daripada negara-negara pengeluar baru, telah menyebabkan harga eksport dalam sebutan dolar Amerika merosot. Harga SMR 20 dalam sebutan dolar Amerika telah merosot dari USD1.5205 sekilogram (RM 5.25 sekilogram) pada 2 Januari 2015 kepada USD1.2885 sekilogram (RM 5.34 sekilogram) pada 8 Oktober 2015. Penurunan harga getah dipengaruhi oleh beberapa faktor tersebut dan tidak dipengaruhi semata-matanya oleh penurunan nilai mata wang negara.

Sekian, terima kasih.